

UMNO di ambang krisis kepemimpinan

PETALING JAYA: UMNO berdepan krisis kepemimpinan sekiranya tindakan dikenakan terhadap ahli Parlimen parti itu yang berada dalam Kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Penganalisis politik Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohd. Izani Mohd. Zain berkata, tindakan tersebut sekali gus memberi implikasi kepada kredibiliti dan imej parti itu dalam pelbagai aspek terutama menangani krisis.

Katanya, perkara tersebut boleh dinilai sejak pelantikan beberapa ahli Parlimen UMNO



UMNO sudah sampai satu peringkat berpecah kepada dua kumpulan. UMNO dijangka akan terus bergolak.”

menyertai kerajaan PN sehingga dilihat berlaku pertembungan serta terikat antara prinsip parti atau kerajaan.

“Dalam isu tindakan kepada ahli Parlimen UMNO ini juga ada

berkait rapat dengan kepentingan negara dan kepentingan parti.

“Menteri terikat dengan prinsip tanggungjawab bersama dalam kerajaan dan pada masa sama perlu taat dengan keputusan parti. Jadi, kalau ada tindakan termasuk pemecatan, UMNO berdepan krisis kepemimpinan parti dan juga presiden,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

UMNO sebelum ini dikatakan bakal mengambil tindakan terhadap Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob selepas didakwa menentang keputusan Majlis Tertinggi (MT) parti.

Dalam pada itu, penganalisis politik Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Mazlan Ali berkata, sebarang tindakan Zahid terhadap ahli parlimen UMNO boleh menimbulkan persepsi terhadap bahawa parti itu mengamalkan pemerintahan diktator.

“UMNO sudah sampai satu peringkat berpecah kepada dua kumpulan. UMNO dijangka akan terus bergolak. Mungkin akan timbul persepsi bahawa UMNO diktator selepas ini.

“Malah, masalah ini akan terus berlarutan sehingga pemilihan parti nanti dan ia mengambil masa untuk pulih,” jelasnya.